

18 APR 2003

MAHATHIR-PETRONAS/I

MAHATHIR: PINJAMAN KETUA PETRONAS KEPADA IRAQ HANYA JIKA PERMINTAAN DATANG DARI PBB

Oleh: Mikhail Raj Abdullah & Yong Soo Heong

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Malaysia akan menimbangkan untuk meminjamkan presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Merican untuk membantu menguruskan industri minyak Iraq hanya sekiranya permintaan datang daripada Bangsa-bangsa Bersatu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada ketika ini, ini bukanlah satu cadangan. Ia cuma satu pendapat yang dinyatakan oleh dua buah akhbar, jadi kita jangan sekali-kali fikirkan mengenainya," beliau memberitahu Bernama apabila diminta mengulas mengenai laporan berita yang Hassan mungkin diminta membantu dalam pembinaan semula industri minyak Iraq yang dimusnahkan oleh peperangan.

"Tawaran seumpama itu sepatutnya datang daripada Bangsa-bangsa Bersatu sahaja, jika tidak, kita tidak akan memikirkannya sama sekali," katanya.

Dua akhbar Britain, The Financial Times dan The Independent, baru-baru ini melaporkan yang ketua perbadanan minyak negara Malaysia itu mungkin merupakan calon untuk membantu menguruskan industri minyak Iraq pasca-perang.

Iraq menyimpan lebih daripada 112 bilion tong minyak, rizab minyak kedua terbesar dunia yang terbukti selepas Arab Saudi Arabia. Bumi Iraq juga mempunyai 110 trilion kaki padu gas asli.

Ditanya sama ada Petronas boleh meneroai peluang-peluang perniagaan di Iraq, Dr Mahathir berkata perbadanan minyak negara itu telah cuba memasuki Iraq lama dahulu.

"Tetapi hari ini, keadaan adalah berbeza, kita malahan tidak tahu siapa yang memerintah Iraq. Kita tahu orang Iraq tidak memerintah negara mereka sendiri. Jadi kita tidak boleh memasukinya," katanya.

Seorang jurucakap rasmi Petronas, yang mengulas mengenai laporan berita itu pertengahan minggu ini, berkata Petronas tidak dihubungi oleh Pentadbiran AS mengenai perkara itu.

Memandangkan bahawa Petronas adalah dimiliki kerajaan, jurucakap itu juga berkata "sebarang keputusan (mengenai pelantikan itu) akan memerlukan kelulusan Kerajaan Malaysia."

Kedua-dua akhbar itu berkata Pentadbiran Bush sedang mencari seorang eksekutif minyak yang berpengalaman daripada sebuah negara Islam bagi tugas tersebut.

Seorang lagi calon berpotensi ialah menteri minyak Algeria, Chakib Khelil.

Mohd Hassan telah menjadi presiden dan CEO Petronas sejak Februari 1995.

Ditubuhkan pada 1974, perbadanan minyak negara itu ditugaskan menguruskan keseluruhan sumber minyak dan gas Malaysia.

Ia beroperasi di 34 buah negara hari ini dengan perniagaan antarabangsa yang menyumbang lebih 80 peratus daripada hasilnya. Petronas juga telah dianggap sebagai syarikat minyak milik kerajaan yang dikendalikan dengan cekap dan paling menguntungkan di dunia. -- BERNAMA

MR/SHY SHY OS